

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N33 AIR ITAM**

Salam Malaysia Madani dan salam Pulau Pinang 2030 diucapkan kepada semua. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk membangkitkan beberapa isu semasa yang sekarang dihadapi oleh negeri yang tercinta ini. Sebagai anak jati Pulau Pinang, saya juga bersyukur dapat mengemukakan pendapat dan cadangan reformasi saya bagi menghadapi dan mengharungi segala cabaran yang akan dikemukakan dalam dewan yang mulia ini.

Dato' Yang di-Pertua,

**MENGURANGKAN KESESAKAN DI FASILITI KESIHATAN AWAM NEGERI**

Saya akan memulakan ucapan saya dengan keadaan kesesakan di fasiliti kesihatan kerajaan negeri, terutamanya hospital awam kerajaan. Isu ini bukan satu perkara baharu tetapi adalah isu yang diwarisi sejak sekian lama. Dari proses pendaftaran diri, perjumpaan dengan doktor hingga pengambilan ubat, pesakit terpaksa membazir masa yang agak lama untuk beratur dan menunggu giliran mereka. Menurut Laporan Audit Negara 2018 Siri 1, secara keseluruhannya rawatan kecemasan dan trauma telah diberikan kepada semua pesakit walaupun sebahagian pesakit terpaksa menunggu lama. Hanya 58.7 hingga 74.5 peratus pesakit dirawat dalam tempoh kurang dari empat hingga enam jam dan ada 917 kes "access block" yang mana pesakit tidak dapat dipindahkan ke wad perubatan. Ini disebabkan peningkatan kedatangan pesakit terutama bagi kes bukan kecemasan dan kekangan yang dihadapi oleh jabatan kecemasan dan trauma dari aspek beban tugas yang tinggi, kekurangan peralatan perubatan, ruang yang terhad dan ketidakupayaan sistem ICT. Wajarkah kita mempertaruh nyawa rakyat jelata yang mengalami kesakitan atas alasan tersebut? Tepuk dada tanya selera, tepuk dahi tanya sendiri.

Dengan itu, saya ingin mencadangkan bahawa EXCO Kesihatan dapat memperkasakan mekanisme "Primary Healthcare System" di negeri kita dengan

memanfaatkan teknologi yang sedia ada. “*Primary Healthcare System*” merupakan pendekatan “*whole-of-society*” untuk mengatur dan mengukuhkan sistem kesihatan awam nasional dengan tujuan menyediakan perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan lebih dekat dengan komuniti. Antara komponen utamanya merangkumi perkhidmatan kesihatan bersepadu yang memenuhi keperluan aspek kesihatan seumur hidup semua rakyat serta fokus terhadap faktor-faktor penentu kesihatan daripada skop yang lebih luas melalui dasar dan tindakan multisektor.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), peluasan rangka intervensi “*Primary Healthcare System*” di negara berpendapatan sederhana dijangka boleh menyelamatkan 60 juta nyawa dan meningkatkan jangka hayat purata sebanyak 3.7 tahun menjelang tahun 2030. Kerajaan negeri wajarlah mengadakan sesi dialog dengan para “*stakeholder*” fasiliti kesihatan sektor swasta bagi merunding terhadap arah kerjasama dalam pembangunan sistem kesihatan tersebut. Sebagai contoh, sesetengah klinik atau hospital swasta boleh mengendalikan sebahagian pesakit yang mengalami kes kesihatan yang tidak terlalu serius tetapi memerlukan konsultasi doktor atau bagi mereka yang perlu menjalani sesetengah prosedur perubatan yang ringkas seperti vaksinasi, dialisis dan sebagainya manakala kerajaan negeri boleh memberikan insentif cukai kepada korporat sektor kesihatan swasta yang bekerjasama.

Selain itu, kerajaan negeri boleh membangun aplikasi kesihatan bersepadu yang dapat menyimpan data “*medical chart*” rakyat negeri serta mempunyai fungsi untuk menempah janji temu konsultasi dengan doktor secara dalam talian yang selaras dengan konsep “*telemedicine*” yang telah digunakan secara efektif dan berjaya di ramai negara luar sebagai norma baharu akibat pelandaan pandemik COVID-19. Kedua-dua strategi yang disifatkan “*two-pronged*” ini tentu dapat membebaskan ruang di fasiliti kesihatan awam kerajaan negeri serta meningkatkan keberkesanan operasi sistem kesihatan awam negeri di samping mengurangkan tekanan dan bebanan terhadap sistem kesihatan awam yang sedia ada. Oleh itu, fokus boleh ditumpukan terhadap pesakit dalam keadaan yang kritikal dan memerlukan rawatan yang kompleks.

Dari perspektif yang lain, kerjasama di antara farmasi swasta dan jabatan kesihatan kerajaan negeri juga amat digalakkan dalam proses pengagihan ubat kepada pesakit. Bagi mengelakkan kesesakan beratur di premis bangunan kesihatan awam untuk mendapatkan preskripsi ubat, pesakit mempunyai alternatif untuk mengambil ubat mereka di farmasi swasta yang berhampiran dengan rumah mereka. Pada masa yang sama, servis kurier penghantaran ubat ke rumah pesakit juga boleh ditawarkan bagi ubat berjenis *over-the-counter* (OTC).

Dato' Yang di-Pertua,

### **MENINGKATKAN DAYA SAINGAN PEKERJA NEGERI**

Isu seterusnya adalah berkenaan "*upskilling*" atau "*reskilling*" pekerja-pekerja sedia ada dalam tenaga kerja hari ini untuk menghadapi arus perdana perkembangan teknologi 5G dan kepintaran buatan (AI). Dalam konteks ini, peningkatan penggunaan teknologi digital, robotik dan kepintaran buatan untuk tujuan automasi operasi harian akan menyebabkan perubahan signifikan dalam landskap pasaran kerja dengan penyingkiran sesetengah pekerjaan seperti pelayan, juruwang dan kerani yang melibatkan skop kerja yang berulang-ulang. Buktinya, kita dapat lihat bahawa kini banyak pusat beli-belah telah menyediakan kios automatik layan diri untuk menggantikan juruwang yang sebelum ini ditugaskan untuk menerima wang.

Menurut laporan *Future of Jobs* yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), 85 juta pekerjaan dijangka akan digantikan oleh teknologi kepintaran buatan menjelang tahun 2025. Walau bagaimanapun, laporan yang sama menyatakan bahawa sejumlah 97 juta pekerjaan baharu akan dicipta dalam tempoh yang sama disebabkan kemunculan teknologi tersebut. Ini bermakna bahawa perkembangan teknologi akan membawa lebih banyak manfaat berbanding keburukannya jika ditinjau dari skop yang lebih luas. Sebaliknya, satu anjakan paradigma sangat diperlukan untuk melahirkan sebuah tenaga kerja yang dilengkapi dengan set kemahiran bersesuaian dengan kehendak pasaran kerja.

Lantaran itu, saya mengesyorkan bahawa kerajaan negeri memberikan tumpuan dalam usaha "*upskilling*" atau "*reskilling*" pekerja untuk membantu mereka membuat peralihan kerjaya secara lancar. Program pendidikan dan latihan dalam bentuk

*“microcredential”* yang merangkumi pelbagai bidang pelajaran dalam permintaan yang tinggi di pasaran boleh disediakan bagi mereka yang berminat untuk belajar kemahiran baharu di samping memastikan set kemahiran mereka masih relevan dengan kehendak pasaran kerja. Tumpuan perlulah diberikan kepada kemahiran yang meliputi komponen pemikiran kritis aras tinggi seperti kemahiran penyelesaian masalah secara kreatif dan inovatif serta kemahiran membuat keputusan berdasarkan moral dan etika. Pada masa yang sama, program tersebut juga dicadangkan untuk menyentuh tentang aspek pendidikan pendigitalan dan pengkomputeran asas supaya semua lapisan masyarakat mempunyai pengetahuan asas untuk memanfaatkan gajet dan infrastruktur teknologi dalam pekerjaan mereka sebaik mungkin. Tambahan pula, insentif cukai boleh ditawarkan oleh kerajaan negeri sebagai galakan kepada korporat yang mengambil inisiatif dan tanggungjawab untuk melaksanakan program pendidikan dan latihan tersebut untuk *“upskill”* pekerja mereka yang bakal terlibat dengan krisis pengangguran pada masa yang akan datang.

Dato' Yang di-Pertua,

Sebagai melabuh tirai perbahasan saya, sinergi diperlukan daripada pelbagai pihak sektor awam dan swasta dalam usaha menggubal dan melaksanakan dasar secara bersungguh-sungguh untuk mencapai situasi menang-menang bagi semua yang terlibat. Hanya dengan pertandingan antara idea melalui perdebatan secara bernas di dewan yang mulia ini dan bukan pertandingan antara kuasa berpolitik, bahawa kita dapat menempuh sebarang cabaran yang dihadapi sejiwa sehati serta menuju ke arah negeri Pulau Pinang yang dinamik, inklusif dan berdaya saing di persada antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**Tan Yi Wei**

**N33 Air Itam**

**Sidang Muda 2022/23**